

'Tanggung umum penghargaan khas untuk kaji pelbagai kesan'

BERITA HARIAN 26 JUL 2025

m/s: 3

Pihak perkecilkan penurunan harga RON95 tak tahu beban kewangan kerajaan: PM

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Jitra: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata penurunan harga RON95 kepada RM1.99 seliter dilihat kecil oleh sesetengah pihak, tetapi

memberi kesan kewangan yang besar kepada kerajaan.

Malah, kata Perdana Menteri, pengumuman penghargaan khas kepada rakyat pada Rabu lalu itu ditangguhkan beberapa kali kerana beliau terpaksa mengkaji pelbagai implikasi terhadap inisiatif yang diumumkan.

Beliau berkata, pihak yang memperkecilkan penurunan harga RON95 itu tidak mengetahui beban kewangan yang terpaksa ditanggung kerajaan.

"Bukan mudah untuk saya turunkan harga minyak RM1.99 seliter, tapi mereka kata Thailand sudah turun dulu. Tetapi tengok

pula harga minyak Thailand berapa, tengok Singapura, Indonesia, Filipina berapa? Kita jauh lebih rendah dan kita rendahkan untuk rakyat Malaysia.

Untuk rekod harga RON95 di Thailand selepas diturunkan ialah RM4.66 (AS\$1.10) seliter.

"Jadi tak ada langsung syukur, tak setuju dalam banyak perkara tak apa, tapi yang betul kita buat bukan mudah, sebab itu saya tangguh berhari-hari kerana hendak kira berapa belanjanya, berapa implikasi kewangannya.

"Tetapi ada yang kata sedikit bezanya (turun) enam sen, dia tak dengar penerangan kita, bu-

kan enam sen. Harga minyak dalam pasaran ketika ini lebih RM2.50 sen seliter, sebelum ini RM2.05 itu kerajaan terpaksa beri subsidi, jadi kita bagi subsidi kira-kira 50 sen (seliter)," katanya.

Warga asing tiada subsidi

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Peringatan Hari Antidadah 2025 di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan turut bertegas tidak akan memberikan sebarang subsidi terutama untuk minyak kepada warga asing.

Katanya, setiap minggu ratusan warga asing, terutama dari Singapura dan Thailand masuk ke negara ini menggunakan kenderaan dan mengisi minyak ketika berada di sini.

"Ada juga pemimpin pembangkang yang kata kita harus jaga orang asing kerana dia bagi sumbangan kepada negara. Saya tak faham di negara mana orang asing diberi layanan sama macam warga negara," katanya.